

# **PEMBANGUNAN MASYARAKAT KE ARAH KESEJAHTERAAN BERTERASKAN PEMBANGUNAN INSAN**

Oleh

Roslan bin Mohamed  
Pensyarah Kanan  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya

Siti Aishah binti Abu Bakar  
Tutor  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya

## **ABSTRAK**

*Dalam realiti masa kini, antara isu utama dalam konteks pembangunan masyarakat adalah isu yang berkaitan dengan persoalan membangunkan masyarakat yang harmoni, sejahtera dan berjaya. Yang pasti teras utama ke arah melahirkan masyarakat yang diidamkan itu adalah melalui penjanaaan masyarakat berasaskan pemantapan nilai-nilai murni secara kolektif. Dengan berpaksinya nilai-nilai murni, ianya akan melahirkan sebuah masyarakat yang memiliki kesejahteraan yang sebenarnya. Justeru akan lahir situasi masyarakat yang aman bahagia, keamanan yang berpanjangan dan kesejahteraan yang berkekalan. Situasi tersebut akan lahir dalam konteks merangkumi kesejahteraan individu, keluarga bahkan dalam konteks bernegara.*

*Untuk menuju ke arah tersebut, maka membangunkan masyarakat dengan berpaksikan elemen pembangunan insan adalah jalan yang mesti dilalui dan ianya perlu diaplikasikan dan diperkukuhkan ke dalam seluruh anggota masyarakat. Pembangunan insan yang dimaksudkan adalah pencernaan akhlak dan moral yang menyeluruh berasaskan ajaran Islam seperti semangat bekerjasama, nasihat menasihati, beramanah dan bertanggungjawab dalam semua keadaan.*

*Dalam usaha merealisasikan hasrat tersebut, pastinya terdapat pelbagai cabaran semasa. Kertas yang dikemukakan ini akan cuba menelesuri realiti pembangunan masyarakat yang memiliki nilai-nilai kesejahteraan yang kolektif dan kaitannya dengan isu pembangunan insan.*

*Realitinya, pembangunan insan adalah nadi dan jantung utama dalam kerangka untuk membangunkan sesebuah masyarakat yang maju, proaktif dan berinovatif.*

*Dalam konteks pelaksanaan elemen pembangunan insan tersebut, pastinya terdapat pelbagai cabaran yang perlu dihadapi oleh sesebuah masyarakat. Justeru, kertas ini juga akan cuba melihat persoalan cabaran dan setakat mana ianya dapat diselesaikan oleh matlamat pembangunan insan yang bersifat menyeluruh di mana akhirnya akan mampu melahirkan masyarakat yang sejahtera dan bahagia.*

## **PENDAHULUAN**

Dalam arus perdana masyarakat masa kini, membina dan membangunkan masyarakat sejahtera adalah merupakan persoalan yang amat penting dan relevan untuk diwacanakan secara serius. Kesejahteraan masyarakat adalah pra syarat utama dalam menjana suasana yang lebih terarah kepada terbangunnya kebahagiaan dan keamanan yang sebenarnya dalam sesebuah komuniti bahkan dalam sesebuah negara. Kesejahteraan yang diidamkan merupakan satu hakikat yang perlu dibangunkan secara kolektif berasaskan kepada teras penting dalam sistem pembangunan iaitu melalui amalan pembangunan insan. Realiti hari ini, jelas menampakkan betapa dalam rangka semua pihak berusaha menuju ke arah kesejahteraan yang hakiki, maka ianya hendaklah diasaskan kepada pembangunan insan itu sendiri. Insan adalah modal utama kepada sesebuah masyarakat dan ianyam mesti dicanang dan dibentuk berteraskan kepada nilai-nilai mulia dalam ajaran agama. Dengan lahirnya insan yang terbangun mindanya dan jiwanya, maka ia akan mampu membangunkan seluruh peradaban dalam kehidupan umat. Hasilnya, pasti akan menatijahkan kesejahteraan masyarakat dalam seluruh aspek kehidupan. Akhirnya akhlak mulia akan melitupi dan melingkungi seluruh suasana, penghayatan terhadap agama akan menyusuk dalam hati sanubari umat. Natijahnya ialah kesejahteraan akan terserlah dalam semua lapangan hidup masyarakat sama ada dalam konteks individu mahupun umat sejagat. Justeru, pembangunan insan adalah paksi utama dalam mencipta masyarakat yang sejahtera dan bahagia.

## PENGERTIAN MODAL INSAN

Modal menurut Kamus Dewan ialah wang atau harta benda yang dipergunakan sebagai pangkal atau pokok untuk berniaga atau sesuatu yang digunakan untuk mendapatkan atau mencapai sesuatu yang lain. Manakala manusia pula ditakrifkan sebagai makhluk yang mempunyai akal budi atau boleh berfikir dan mempunyai daya upaya.<sup>1</sup> Berdasarkan penjelasan Kamus Dewan, modal insan merujuk kepada harta yang ada pada diri manusia, iaitu akal budinya dan dengannya manusia dapat mencapai sesuatu yang lain. Akal merujuk kepada fikiran atau kebolehan manusia untuk berfikir dan mencapai ilmu, manakala budi pula merujuk kepada keupayaan manusia untuk diri dan menuju ke arah matlamat modal insan yang lebih baik.<sup>2</sup>

Selain itu, istilah insan ( *ins, nas, unas* ) ialah istilah al-Quran dan istilah ini merujuk kepada manusia yang menyeluruh dan sepadu. Kata insan diambil dari kata *uns* yang bererti jinak, harmoni dan tampak, atau kata *nasiya* yang bererti lupa, atau kata *nasa-yanusu* yang bermakna bergoncang. Walaupun terdapat sisi pandangan yang berbeza mengenai asal makna insan, yang penting menurut M. Quraish Shihab: “ Kata insan, digunakan dalam al-Quran untuk menunjukkan kepada manusia dengan keseluruhannya, jiwa dan raga ”.<sup>3</sup>

Manakala modal insan dalam perspektif Islam ialah bagaimana potensi insan seperti akal, hati dan jasmani dijadikan sumber kekuatan mengurus diri dan mengurus sistem. Kekayaan sumber-sumber ciptaan Allah dalam sistem memerlukan pengurusan yang baik dan bijaksana. Allah menghubungkan ciptaanya yang berupa sumber-sumber yang mempunyai nilai tinggi sebagai rahmah yang perlu diuruskan sebagai amanah. Allah S.W.T menunjukkan menerusi al-Quran dan mengambil contoh binaan peribadi Rasulullah S.A.W sebagai modal insan yang terbaik supaya

---

<sup>1</sup> Dr.Teuku Iskandar ( 2002 ), *Kamus Dewan*, Cetakan Keempat, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 832

<sup>2</sup> Ahmad Mohd Said & Khalidah Salekan ( 2007 ), *Pembangunan Insan Aspirasi Dan Realiti*, Cet.1, Kuala Lumpur: Blue-T Communication Sdn. Bhd, h.4

<sup>3</sup> Muhammad Syukri Salleh ( 1987 ), *Pembangunan Berteraskan Islam*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, h. 12

apabila peribadinya terbangun dengan baik, faktor jujur, amanah, ikhlas, adil dan saksama akan menjadi neraca pengurusan.

Modal insan yang memiliki kualiti amal soleh bakal mensejahterakan umat manusia dan sistem. Rasulullah S.A.W menyebutkan pada zamannya, baginda berjaya membangunkan generasi cemerlang atau generasi qurani yang memiliki kekentalan akidah, akhlak teladan, daya juang yang tinggi dan jiwa penerokaan yang hebat. Secara jelas, menunjukkan betapa keutuhan insan sewajarnya dapat direalisasikan bila mana nilai modal insan dapat dicanangkan secara menyeluruh.

## **PEMBANGUNAN INSAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

Pembangunan dalam Islam adalah keupayaan bersama untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat keseluruhannya sama ada di dunia mahupun di akhirat di dalam satu proses yang harmonis dan dinamis. Fokus utama dalam pembangunan dalam Islam adalah pembangunan insaniah manusia itu sendiri.

Memulakan bicara dalam konteks semasa pembangunan insan ini, ada baiknya kita memetik pandangan peribadi Mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdullah Ahmad Badwi sebagaimana diucapkan oleh beliau dalam beberapa ucapan dan perutusan rasmi :

- Dalam perutusan hari kemerdekaan negara ke 48, beliau mengungkapkan: “.... Untuk membangunkan modal insan, kita mahu memberikan ilmu pengetahuan yang secukupnya, kita mahu mendidik mereka menjadi bangsa yang berpekerti mulia yang mempunyai hemah yang tinggi, yang berjiwa besar, cintakan negara dan mereka juga mempunyai kekuatan jasmani dan kekuatan rohani”<sup>4</sup>

Intisari yang terungkap dalam ucapan beliau ini jelas mempamirkan hasrat peneraju utama negara bahawa bentuk dan wajah insan yang diperlukan oleh negara adalah kalangan insan yang

---

<sup>4</sup> Utusan Malaysia bertarikh 31 Ogos 2005

seimbang pembangunan rohani dan jasmaninya. Insan yang hebat penguasaan ilmu pengetahuannya dan pada waktu yang sama berpegang teguh dan menghayati nilai-nilai akhlak yang murni. Dan dikalangan insan sebeginilah yang menurut beliau, akan dapat membina peradaban berkualiti untuk kegunaan manusia sejagat. Hasilnya, akan melahirkan suatu bentuk kesejahteraan yang menyeluruh dalam konteks masyarakat sejagat.

Sehubungan itu, pembangunan yang cuba diketengahkan oleh Islam adalah pembangunan yang datangnya daripada kesedaran yang tinggi dari umatnya yang saling bekerjasama dan bukannya datang daripada satu kelompok yang kecil. Di samping itu, pembangunan ini juga haruslah mampu meningkatkan taraf hidup masyarakat secara keseluruhan dari segi zahir dan batin. Sekali lagi wajar ditegaskan di sini adalah, konsep pembangunan yang cuba diketengahkan oleh Islam adalah untuk mencapai kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.

Pembangunan dalam Islam hendaklah ditangani secara bertahap dan hikmah. Malah dalam Islam itu sendiri amat mementingkan sesuatu perkara dilakukan secara hikmah. Ini jelas dinyatakan oleh Allah S.W.T dalam firmanNya yang bermaksud:

*"Serulah kepada jalan Tuhanmu (Muhammad) dengan hikmah dan nasihat yang baik, dan berbahaslah dengan mereka dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhanmu yang lebih mengetahui akan orang yang sesat daripada jalannya. Dialah yang lebih mengetahui orang yang mendapat hidayah atau petunjuk."*

Surah an-Nahl (16): 125

Pembangunan dalam Islam hendaklah dijalankan secara dua tahap iaitu peringkat pembangunan kerohanian dan satu lagi adalah pembangunan peringkat fizikal. Pembangunan pada peringkat kerohanian merupakan pembangunan yang paling asas dalam Islam. Akal dan jiwa manusia perlu dibangunkan dahulu sebelum sesuatu pembangunan fizikal dilakukan. Ini adalah bagi melahirkan insan yang mempunyai pemikiran yang bersih, suci dan pekerti mulia. Tumpuan utama pendekatan Islam adalah ke atas kejiwaan, moral dan etika-etika pembangunan yang mencakupi masa yang amat panjang dan mereka amat prihatin terhadap proses pembangunan Islam.

Proses pembangunan bermula dengan moral, spiritual dan perkembangan mental manusia yang akan menjadi agen kepada fizikalnya sendiri dan persekitaran serta ekonomi. Manusia merupakan agen perubahan yang aktif dan bertanggungjawab menentukan kejayaan dan kegagalan hidupnya sama ada di dunia ataupun di akhirat. Pembangunan manusia akan hilang keseimbangannya jika tidak melibatkan empat perhubungan yang adil antara cabang-cabang tanggungjawab insan.

Antara elemen-elemen penting dalam pembangunan insan dari perspektif Islam ini boleh dilihat dengan jelas melalui matlamat penurunan syariat Islam itu sendiri. Penurunan syariat Islam adalah dengan tujuan untuk memelihara dan menjaga kepentingan dan keperluan manusia dan terdapat lima kriteria yang menjadi ukuran kesejahteraan dan kemakmuran manusia. Pembangunan dan pemeliharaan kelima-lima aspek ini merupakan matlamat syariah iaitu agama, akal, diri, keturunan dan harta. Kelima-lima elemen ini merupakan keperluan manusia dan jika hendak dibangunkan manusia perlulah dibangunkan kepada kelima-lima perkara ini.<sup>5</sup> Dengan terbangunnya insan berdasarkan kelima-lima elemen tersebut, pasti ia akan mengukuhkan lagi nilai peradaban hidup yang sejahtera dan aman bahagia.

Menurut Islam, manusia tidak akan menjadi sempurna kemanusiaannya jika tidak beragama dengan agama yang benar. Oleh itu, untuk membangunkan manusia supaya sesuai dengan kedudukannya yang dianugerahkan oleh Allah maka mestilah dibangunkan jiwa agamanya yang bererti dibangunkan hatinya, ruhnya dan nafsunya.

Selain itu, aspek kedua yang perlu dibangunkan dalam proses pembangunan insan ialah akal atau mentalnya. Secara fitrahnya, semua manusia dikurniakan oleh Allah S.W.T dengan akal fikiran sebagai asas perbezaan antaranya dengan makhluk dan haiwan lain. Oleh itu, akal yang dikurniakan oleh Allah S.W.T perlulah digunakan dengan lebih bijak dan seharusnya dibangunkan dengan betul dan menuju kearah pencapaian yang lebih baik.

---

<sup>5</sup> Haron Din ( 2003 ), *Manusia Dan Islam*, Jilid 2, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h.140

Elemen seterusnya ialah berdasarkan kepada nyawa, keturunan dan maruah. Elemen-elemen ini merupakan keperluan asasi manusia yang mesti dipelihara dan dibangunkan dalam usaha pembinaan insan. Ketiga-tiga aspek ini lebih berkait rapat dengan tujuan untuk memastikan kesinambungan dan kelangsungan kehidupan manusia yang sejahtera, makmur dan mendapat keredhaan Allah S.W.T. Kerana itulah Islam sangat mengambil berat aspek kekeluargaan dengan mengatur dan meyyusun secara terperinci peraturan-peraturan dalam pembentukan sistem kekeluargaan yang baik. Akhir sekali, para ulama menegaskan bahawa harta juga merupakan satu keperluan asasi manusia. Tanpa harta yang sewajarnya manusia akan menghadapi kesulitan untuk menjalani kehidupan secara terhormat. Oleh itu, dalam konteks pembangunan insan maka keselamatan harta dan hak milik manusia perlulah juga diberi perhatian yang sewajarnya.

## **KEPENTINGAN DAN CIRI-CIRI DALAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN**

Modal insan tidak saja harus dibangunkan dengan prinsip-prinsip nilai yang berasaskan agama tetapi memerlukan olahan bijaksana bagaimana cabaran perubahan hari ini dapat dibentuk sesuai dengan acuan kita sendiri. Faktor nilai adalah faktor yang amat penting dalam proses membangunkan modal insan.

Oleh itu, nilai moral, etika dan akhlak iaitu standard atau prinsip untuk mengukur dan menghakim sama ada sesuatu perlakuan dan tujuan itu wajar atau tidak dinamakan sebagai keputusan etika. Nilai yang baik perlu wujud pada pemimpin sudah pasti menggalakkan kepimpinan yang berhemah, bertanggungjawab, amanah dan jujur yang mendorong rakyatnya berganding bahu membangun negara atau tamadun.

Moral dan etika boleh dikaitkan dengan istilah akhlak tetapi terdapat perbezaan yang nyata dalam konteks penghayatannya. Istilah “ *akhlak* ” daripada bahasa Arab ada kaitan dengan dua istilah yang lain iaitu istilah “ *Khalik* ” (Tuhan Pencipta) dan “ *makhluk* ” (ciptaan) daripada kata akar yang sama iaitu “ *khalaka* ” (mencipta).

Akhlak mencakupi makna moral dan etika iaitu sifat dan perlakuan yang baik, halus, benar dan patut yang dipunyai oleh seseorang yang memberi kebaikan kepada dirinya dan juga kepada orang lain. Tetapi konsep akhlak melebihi makna moral dan etika, dalam ertikata bahawa segala sifat dan perbuatan yang baik yang memanfaatkan itu, harus dengan tujuan untuk mendapatkan keredaan Tuhan semata-mata, bukan untuk mendapat balasan, pujian dan pengiktirafan daripada manusia.

Selain itu, akhlak yang mencakupi segala perbuatan dan tingkah laku yang baik adalah untuk memanfaatkan makhluk tetapi bertujuan semata-mata untuk mendapatkan keredaan *Khalik* iaitu Tuhan Pencipta bagi semua makhluk. Oleh itu konsep akhlak mengimplicasikan kepercayaan dan keyakinan kepada Tuhan sebagai *Khalik* Pencipta segala makhluk.

Oleh itu, untuk memperolehi akhlak mulia, seorang ilmuwan terbilang, Miskawayh menegaskan kita mesti terlebih dahulu mengetahui hakikat diri insan sebagai makhluk yang terdiri daripada unsur jasmani dan rohani. Tempat bagi terbentuk dan tersemainya etika ialah dalam unsur rohani yang membuahkannya dalam pelakuan dan perbuatan oleh anggota jasmani. Akhlak sangat penting untuk dibangunkan kerana ia menjadi fokus kepada pembangunan insan. Kejayaan pembangunan akhlak menjadi kejayaan terbesar kepada pembangunan insan. Akhlak mercu kepada kelahiran manusia untuk menjadi khalifah di bumi ini dan seterusnya memacu dan membina tamadun manusia.

## **MODAL INSAN DAN CABARAN-CABARANNYA**

Dalam membangun modal insan terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi oleh masyarakat masa kini. Antara cabaran-cabarannya ialah:<sup>6</sup>

- a) Amalan rasuah yang masih menjadi amalan dalam sesetengah organisasi yang akan melemahkan sistem pengurusan.

---

<sup>6</sup> Fadzli Ahmad, Ashraf Hj Abd Rahman, Ruzaini Sulaiman, ( 2006 ), *Modal Insan dan Pembangunan Masa Kini*, Siri Fokus Minda 3, Cet. Pertama, h. 12



- b) Jenayah berat yang kian meningkat seperti membunuh, merompak, merogol sering menjadi bahan berita utama di media massa sama ada cetak atau elektronik. Ini menunjukkan bahawa manusia sudah tidak mempunyai moral atau muflisnya nilai harmoni dalam diri masyarakat itu sendiri.
- c) Hubungan kekeluargaan yang kian renggang. Manusia kini kurang mementingkan hubungan kekeluargaan. Kejadian penderaan anak-anak kecil, dicabul dan dirogol kini menjadi semakin serius. Hal ini terjadi kerana nilai dan perasaan kasih sayang sudah pudar dan terhakis dalam konteks hubungan kekeluargaan.
- d) Terdapat segolongan manusia yang begitu rakus menebus tanah untuk pembangunan. Ini kerana manusia sangat mementingkan pembangunan fizikal tanpa mengambil kira kepentingan pembangunan mapan. Kegiatan pembalakan dan pembersihan hutan untuk menjalankan projek pembangunan tidak memberi pertimbangan kepada keceriaan dan keseimbangan alam sekitar. Dalam erti kata lain, konsep pembangunan mapan tidak dilaksanakan dengan sewajarnya.
- e) Kadar pengangguran di kalangan siswazah menjadi isu negara. Pengangguran siswazah menjadi salah satu isu penting negara. Kegagalan siswazah mendapatkan pekerjaan adalah kerana kekurangan pelbagai kemahiran generik yang dikehendaki oleh pihak industri atau organisasi. Disamping itu, siswazah kurang berkemahiran dari aspek komunikasi, kerja berpasukan, kemahiran berbahasa Inggeris, kemahiran teknologi maklumat dan sebagainya.

## **PENYELESAIAN KEPADA CABARAN**

Setiap cabaran atau masalah yang dihadapi pasti ada jalan penyelesaiannya. Penyelesaian kepada cabaran-cabaran yang dihadapi dalam pembangunan insan semestinya memerlukan kepada sifat-sifat *mahmudah* seperti sikap amanah, tanggungjawab, toleransi, ilmu pengetahuan agama yang mantap serta hubungan kasih sayang antara manusia dengan Pencipta dan hubungan yang baik antara manusia sesama manusia.

Sebagai contoh, dalam pembangunan masyarakat kini nilai-nilai dan sikap amanah perlulah diterapkan dalam diri masing-masing. Ini kerana selagi umat Islam memelihara amanah Allah S.W.T maka akan luruslah segala amalan dan tanggungjawab yang dilaksanakan. Pekerja adalah pemegang amanah kepada kerja yang diserahkan kepadanya. Antara tonggak penting bagi seorang pekerja yang baik ialah:

- a) Kemampuan melaksanakan kerjanya.
- b) Amanah dalam melaksanakan kerjanya.

Amanah adalah sifat terpuji dan terangkum dalam lingkungan personaliti yang baik yang mesti dimiliki oleh setiap individu, apalagi bagi mereka yang diamanahkan dengan sesuatu tanggungjawab dan sering berurusan dengan orang lain. Dengan adanya sifat amanah dan tanggungjawab serta ikhlasnya seseorang itu bekerja kerana Allah, dengan pastinya masalah rasuah, curi tulang, penipuan, pecah amanah dan sebagainya tidak akan berlaku pada masyarakat kini.

Selain itu, antara penyelesaian kepada kebahagiaan rumah tangga yang harmoni adalah melalui penekanan dari aspek agama, kerohanian, jasmani yang menjadi landasan utama. Menurut Kolonel Profesor Dato' Dr. Kamaruddin Kachar, peranan agama amat penting dalam konteks terbentuknya keluarga bahagia. Beliau juga menyarankan kekuatan iman dan ketakwaan kepada Allah S.W.T sebagai jalan atau pendekatan yang mampu mewujudkan keluarga bahagia.

Segala aktiviti hidup dan aspek kehidupan manusia mestilah didasarkan kepada sifat takwa, kerana ia merupakan tujuan akhir dan punca segala bentuk aktiviti dan tingkahlaku. Sifat ini juga merupakan kunci keberkatan rezeki, keamanan, kemakmuran, ketenteraman dan kesejahteraan. Takwa mengatur kebudayaan iaitu perhubungan manusia dengan tuhan, hubungan manusia dengan dirinya sendiri dan hubungannya dengan alam sekeliling.<sup>7</sup>

---

<sup>7</sup> Kolonel Profesor Dato' Dr. Kamaruddin Kachar (2006 ), *Tip-Tip Mencari Kebahagiaan Melalui Perkahwinan*. Kertas Kerja dibentang dalam Seminar Falsafah Islam, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, h. 1-2

Selain itu, penyelesaian kepada masalah pengangguran di kalangan siswazah pada hari ini adalah berdasarkan kepada kualiti modal insan yang bergantung pada kekuatan ilmu dan kecanggihan keterampilan yang dimiliki oleh seseorang. Ilmu merangkumi bidang yang luas dan pelbagai. Orang yang berilmu akan cenderung untuk melaksanakan apa yang dimilikinya. Berilmu dengan ilmu dengan erti kata bekerja, berakhlak dengan akhlak yang baik, melaksanakan ajaran Islam mengikut apa yang diajar oleh Islam.

Menyedari kehidupan yang sementara ini, manusia hendaklah menggunakan masa yang ada untuk seluruh kehidupan mereka. Modal insan dalam perspektif Islam ialah bagaimana potensi insan seperti akal, hati, jasmani dijadikan kekuatan mengurus diri dengan masa yang ada. Masa yang ada digunakan untuk belajar, bekerja, berkeluarga, bermasyarakat hingga tercapainya matlamat kehidupan yang sebenar.

Dari Ibnu Abbas, katanya Nabi S.A.W bersabda: “*Ada dua nikmat yang sering kebanyakan manusia tertipu tentangnya ( sering melupakannya ) iaitu waktu sihat dan waktu lapang*”. ( Riwayat al-Bukhari )

Elemen lain ialah menggunakan akal fikiran dengan sebaik mungkin. Akal yang sempurna berpandukan kepada al-Quran dan al-Sunnah mampu meletakkan manusia menjadi *khalifah* ( pentadbir ) alam dengan sebaik mungkin. Penggunaan akal yang maksima mampu untuk menjadikan manusia berjaya di dalam perkara yang dilakukannya.

## **PENUTUP**

Berdasarkan perbincangan yang dikemukakan dalam kertas kerja ini, jelas menunjukkan betapa elemen pembangunan Insan adalah merupakan nadi utama dalam kerangka menjana kesejahteraan masyarakat. Pembangunan insan melalui dimensinya adalah satu kekuatan yang mampu merubah seluruh kehidupan ke arah kebaikan dan kebahagiaan yang sebenarnya. Dalam konteks ajaran Islam, insan adalah modal terpenting yang perlu dibangunkan segala kapisitinya demi untuk menjana dan membangunkan peradaban umat secara total. Walaupun terdapat

pelbagai cabaran dalam konteks membangunkan modal insan hakikatnya potensi insan tetap mampu dibangunkan melalui proses pendidikan dan pembangunan yang bersifat menyeluruh. Yang pasti, kejayaan dan kesejahteraan masyarakat dan umat mesti dicipta dan dijana berasaskan kepada keutuhan dan kekuatan ajaran Islam itu sendiri. Justeru, pembangunan modal insan perlu dipastikan terus menjadi teras dalam mengupayakan masyarakat ke arah nilai kesejahteraan yang sebenarnya.

---

**MAKLUMAT PENULIS KERTAS KERJA:**

Roslan bin Mohamed

Pensyarah Kanan  
Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur

[roslan\\_um@yahoo.com](mailto:roslan_um@yahoo.com)

03 79676064 ( Pejabat )  
03 79676145 ( Faks Pejabat )

012 383 1963



